

Islam tidak beza kelas sosial dalam masyarakat



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Setiap masyarakat mempunyai keadaan sosial tersendiri yang dipenuhi pelbagai tradisi, formaliti, nilai serta adat resam berbeza.

Dalam Islam, kemasyarakatan itu ibarat satu badan yang tidak membezakan kasta atau kelas sosial antara anggota masyarakatnya.

Setiap anggota masyarakat yang mempunyai kemahiran berbeza hadir untuk bekerjasama serta menyelesaikan konflik dengan penuh berhemah. Masing-masing saling melengkapi dan menjadi

lebih baik hasil daripada interaksi dan pertukaran pendapat antara satu sama lain.

Mereka dilarang untuk merendahkan yang lain kerana dikhuatiri akan menjuruskan kepada perpecahan dan perbalahan. Perbezaan haruslah ditangani dengan penuh hikmah dan berhemah.

Allah berfirman dalam **surah al-Hujurat, ayat 11** yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka.

"Dan janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan

mencemuh dan merendahkan-rendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka dan janganlah sesetengah kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk.

"(Larangan berkenaan menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasiq, maka) amatlah buruknya sebutan nama fasiq (kepada seseorang) sesudah dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiqnya) maka merekalah orang-orang yang zalim."

Islam mengambil berat mengenai etika seseorang Muslim dalam berinteraksi

antara anggota masyarakat termasuk dengan bukan Muslim.

Hal berkaitan dengan etika dalam berinteraksi dengan bukan Islam ini mungkin menjadi kebimbangan ketika seorang Muslim menjadi golongan minoriti dalam masyarakat.

Kadang-kadang sesetengah daripada imigran Muslim cuba untuk mengekalkan adat dan budaya negara asal mereka dalam usaha mengekalkan pegangan agama (mengikut kefahaman) mereka. Hal ini disebabkan ketidakupayaan mereka dalam membezakan prinsip perpaduan dan kepelbagaian yang perlu diterapkan seorang Muslim.

Muslim di seluruh dunia pada asasnya bersatu bersandarkan petunjuk

daripada al-Quran dan sunah yang mana kedua-dua ini adalah prinsip asas kepada syariat Islam.

Pada kebiasaannya, sarjana Muslim menggubal hukum-hukum berdasarkan dua sumber utama ini serta mengikut keadaan setempat.

Hal ini boleh dilihat ketika Imam Syafie berhijrah dari Iraq ke Mesir. Fatwa serta hukum syariah yang dikeluarkan Imam Syafie ketika berada di Iraq adalah berbeza dengan waktu beliau berada di Mesir.

Dari sini boleh kita lihat fleksibiliti dalam Islam bagi memudahkan umatnya yang mana hukum fiqh itu ada yang boleh berubah mengikut tempat serta budaya atau adat (uruf) sesuatu masyarakat.

Bagaimanapun, perkara ini harus mengikut garis panduan al-Quran dan sunah serta tatacara ilmu yang telah ditetapkan oleh ilmuwan terdahulu.

Masyarakat Muslim di seluruh pelusok dunia perlu lebih bijak membawa diri dan melakukan asimilasi di tempat mereka supaya tidak timbul isu serta pada masa yang sama mampu menunjukkan keindahan Islam kepada anggota masyarakat yang lain.

Akhirnya masyarakat bukan Muslim tertarik dengan keindahan dan kecantikan Islam dan cuba memahami Islam dengan lebih dekat.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM